

SEWAAN PREMIS MAJLIS

Penyewa-penyewa premis majlis dikehendaki mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh kedua-kedua pihak di antara tuan punya premis iaitu Majlis Daerah Marang dengan Penyewa.

Penyewa dikehendaki menjaga dan memelihara premis, kelengkapan dan perkakasan supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan bersih.

Penyewa juga hendaklah menjaga kebersihan di dalam premis dan persekitarannya.

Penyewa hendaklah membayar sewa pada tiap-tiap bulan kepada Majlis, sekiranya penyewa gagal membuat pembayaran sewa melebihi 3 bulan sewaan perjanjian sewa akan tamat dengan sendirinya.

Pihak Majlis akan mengenal pasti penyewa-penyewa yang mempunyai **3 bulan** tunggakan sewa untuk pengesahan bagi pengeluaran Notis Tunggakan Sewa dalam tempoh 14 hari dan serahan satu salinan notis tersebut diberikan kepada penyewa berkaitan.

Tindakan susulan akan diambil selepas tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan supaya penyewa menjelaskan tunggakan sewa.

Notis kedua iaitu Notis Penamatan dalam tempoh 7 hari dikeluarkan berdasarkan Perjanjian Sewa bagi tindakan selanjutnya kepada penyewa sekiranya terdapat penyewa yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan sewa.

Sekiranya masih gagal jelaskan bayaran dalam tempoh 7 hari yang diberikan akan dikeluarkan pula notis Kunci Bangunan dengan kelulusan SU/YDP . Notis kunci tersebut akan ditampal notis DIKUNCI pada premis berkenaan untuk makluman penyewa.

Notis kunci akan ditangguhkan sekiranya ada perundingan bayaran antara penyewa dengan persetujuan dan kelulusan YDP/SU.

Edarkan Fail kepada PPUU untuk tindakan perundangan bagi tuntutan sewa sekiranya masih ada tunggakan sewa selepas sewa ditamatkan.